

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: 28 Julai 2016 15:30
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee; Mohd Nizar b. Ahmad Padzi
Subject: Lima Acara Sukan Dipertandingkan Di Karnival Sukan IMT-GT 2016



28 JULAI 2016 / 23 SYAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

LIMA ACARA SUKAN DIPERTANDINGKAN DI KARNIVAL SUKAN IMT-GT 2016



PSUKAN ONLINE : Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai Karnival Sukan IMT-GT Ke-18, 2016 di Rajamangala University Of Technology Srivijaya Songkhla, Thailand dengan kontinjen seramai 37 orang atlet dan 9 orang pegawai serta jurulatih dalam lima acara sukan yang dipertandingkan iaitu bola sepak 7 sebelah, bola keranjang lelaki, badminton campuran, bola tampar pantai (L/W) dan tenis campuran.

Keputusan terkini telah menyaksikan pasukan badminton layak ke peringkat suku akhir bertemu Universiti Sains Malaysia (USM) setelah menjadi johan kumpulan.

Lain-lain keputusan, pasukan bola tampar pantai, bola keranjang lelaki dan tenis telah tewas di peringkat kumpulan.

Sementara itu, bagi acara bola sepak, pada perlawanan pertama UUM tewas 0-3 kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) namun UUM kembali bangkit pada perlawanan kedua dengan kemenangan 2-1 ke atas USM.

Kecemerlangan UUM diteruskan dengan kemenangan 3-1 ketika bertemu Prince Of Songkhla University (PSU).

Walau bagaimanapun, Walalak University (WU), Thailand berjaya menewaskan UUM dengan jaringan 3-1 pada perlawanan seterusnya.

Sekarang sedang berlangsung, UUM bertemu University Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Indonesia bagi melengkapkan pertandingan peringkat kumpulan untuk menentukan samaada UUM layak ke pusingan seterusnya atau tidak.

Habis.

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my